

## Analisis Kedudukan Sidi Muhammad Azahari dalam Sejarah Tarekat Ahmadiyah Kelantan

Mokhtar Lotfi Mohamed<sup>1</sup>  
Syed Hadzrullathfi Syed Omar<sup>2</sup>  
Mohd Alwee Yusoff<sup>3</sup>

### Abstract

Sidi Muhammad Azahari is a well-known Sufi personage/representative/figure that has become the key point in imparting a lot of effort to spread Tariqa Ahmadiyah in Kelantan commenced by Tuan Tabal. This research is focused on the involvement of Sidi Muhammad Azahari to discuss the evolution of Tariqa Ahmadiyah and the challenges faced by him throughout living in the state. He is the figure of Tariqa Ahmadiyah contemporary with Syekh Muhammad Said Linggi and Haji Wan Musa Tuan Tabal as well. This studies will explain the biography of Sidi Muhammad Azahari and his emergence in Kelantan. Moreover, this research will set forth the provocation that he faced while being in Kelantan. This qualitative research uses the method of collecting and analysing data. Interviews and research in the library are carried out to obtain the exact and precise informations. The outcome of the research has proven that he had to face with the English authorities and some controversy happened with his own students until he is forced to resolve in Terengganu and finally back to Mecca. However, his contribution to the growth of Tariqa Ahmadiyah can't be denied with the birth of other amazing figures at that time. I hope that this research will instill some interest within students and generate new ideas for analysts and historical researchers to dig deep seeking variety of informations regarding Tariqa Ahmadiyah especially informations about Sidi Muhammad Azahari.

**Kata Kunci:** *Sidi Muhammad Azahari, Tokoh Sufi, Tarekat Ahmadiyah, Penguasa Inggeris, Kontroversi, Makkah.*

<sup>1</sup> Pelajar Ph.D, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, PhD, Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, PhD, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri Kelantan, Malaysia.

## PENDAHULUAN

Ilmu Tasawuf di Kelantan didapati telah bertapak sebelum Tuan Tabal mula bergerak aktif menyebarkan tarekat Ahmadiyyah di Kota Bharu mulai tahun 1870. Ini terbukti dengan kemunculan Tok Pulau Chondong (1793-1873) yang sering dikaitkan sebagai seorang ulama Kelantan terawal yang telah mengamalkan ajaran tarekat<sup>4</sup>. Dalam memperkatakan sejarah penyebaran tarekat Ahmadiyyah di Kelantan pada tahun-tahun 1890-an dan awal 1900-an, lazimnya tumpuan para pengkaji terarah kepada sumbangan dan ketokohan Tuan Tabal, Syekh Muhammad Said Linggi dan Haji Wan Musa Tuan Tabal.

Setakat ini hanya didapati Pauzi Haji Awang (*Tariqah Ahmadiyyah: History and Development*), Hamdan Hassan (*Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*), Mark J.R. Sedgwick (*The Making And Remaking Of The Rashidi Ahmad Sufi Order, 1799-2000*), Che Zarina Sa'ari (*Tarikat Ahmadiyyah: Satu Kajian di Negeri Kelantan*) dan Ismail Che Daud (*Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu 1 dan 2*) yang telah mengkaji tentang tarikat Ahmadiyyah ini. Mereka ini adalah tokoh pengkaji tempatan yang menyoroti sejarah pertumbuhan tarekat Ahmadiyyah di Malaysia termasuklah di Kelantan. Semua maklumat oleh para penyelidik ini hanya menyentuh beberapa cebisan maklumat dari perjalanan hidup Sidi Muhammad Azahari. Tidak disentuh secara khusus dan mendalam mengenai penglibatan dan sumbangan peribadi Sidi Muhammad Azahari termasuklah kontroversi yang berlaku menyebabkan beliau keluar dari bumi Kelantan dan kembali ke Makkah.

Di antara kelebihan Tarekat Ahmadiyyah yang menyebabkan ramai orang meminatinya ialah<sup>5</sup>:

- a) Mengamal dengan jumlah yang sedikit, tetapi mendapat ganjaran yang banyak. Contohnya, ucapan tahlil sebanyak 3 kali, mereka ini boleh dianggap orang yang sentiasa mengingati Allah dengan banyak. Contoh lain ialah amalan hizb saifi di mana ianya seperti melakukan ibadah selama setahun.
- b) Tarekat ini satu-satunya jalan untuk menuju kepada Rasulullah SAW. Tidak seperti tarekat-tarekat lain yang mengharuskan mereka mengagungkan syekh.
- c) Tarekat Ahmadiyyah mengambil kira kepentingan duniawi. Dalamnya terdapat penjelasan secara spesifik tentang harta dan kekayaan dan cara untuk mengumpul kekayaan. Contohnya:
  - Al-Husun – perlindungan diri, keluarga dan harta.
  - Hizb al-Saifi – untuk mengumpul dan memperolehi rezeki.
  - Amalan ya Latif – untuk kesenangan hidup, orang akan melakukan kebaikan kepada pengamalnya.

Kaedah pengumpulan data melalui perpustakaan dan temu bual khusus dengan kaum keluarga yang pernah menjadi murid kepada beliau dan tokoh penyelidik terdahulu dilakukan bagi mendapat maklumat yang benar tentang biografi tokoh serta penglibatan beliau selaku tokoh penggerak tarekat Ahmadiyyah di Kelantan. Sebagai ulama perantau yang datang berhijrah dan berdakwah ke Alam Melayu, latar perjalanan hidup Sidi Muhammad Azahari terutamanya latar belakang peribadi beliau merupakan sesuatu yang agak sukar hendak dirungkaikan. Hasil penyelidikan ini cuba mengisi beberapa

---

<sup>4</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, (Kelantan : Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012), 63.

<sup>5</sup> Reeza Bustami, Reevany Bustamy dan Haris Badrin, "Spiritualiti and Gerakan Sufi dalam Diaspora Melayu: Satu Analisis Penerokaan Tariqa Ahmadiyya" *Prosiding Seminar Antarbangsa Perantauan Sumatera-Malaysia (2012)*, 317-330.

kelompangan mengenai perjalanan hidup tokoh ini dan memberikan beberapa pencerahan mengenai cabaran yang mencetuskan kontroversi berlegar di sekitar peribadi beliau.

Walaupun beliau dikenali sebagai seorang berketurunan Arab tetapi tidak dapat dipastikan dari Negara Arab yang mana beliau berasal. Tetapi dalam kalangan sesetengah masyarakat Kelantan beliau dikenali dengan sapaan Sidi Ahmad Sudan. Dengan panggilan tersebut beliau berkemungkinan berasal dari Sudan. Sedgwick mengakui kebuntuan mengesani maklumat asal usul beliau kerana ada yang menyebut beliau berketurunan India<sup>6</sup>. Beliau hanya dipastikan lama tinggal di Makkah dan meninggal dunia di kota suci itu pada tahun 1939. Dalam kajian ini akan dijelaskan pengenalan peribadi dan peranan Sidi Muhammad Azahari kepada perkembangan tarekat Ahmadiyah di bumi Kelantan dan seterusnya merungkai kontroversi yang melanda beliau sepanjang berada di bumi Kelantan. Ternyata segala usaha yang ditaburkan oleh beliau tidak disia-siakan oleh anak murid beliau dengan menyambung usaha yang digerakkan oleh guru mereka untuk menyebar luas tarekat Ahmadiyah di negeri Kelantan.

### PENGENALAN PERIBADI SIDI MUHAMMAD AZAHARI

Nama penuh beliau ialah Sheikh Muhammad al-Azahari bin Abdul Maula. Tidak ada maklumat jelas tentang latar belakang kelahiran beliau, namun yang jelas beliau dikatakan berasal dari Makkah tanpa dapat dijejak asal-usul keluarganya. Tahap pendidikan awal beliau serta nama guru-guru beliau juga agak tersembunyi dan hanya yang pasti beliau adalah anak murid kepada Sheikh Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (1839-1909) dalam ilmu tasawuf dan tarekat Ahmadiyah. Sidi Muhammad Azahari adalah ketua kumpulan tarekat (al-Syeikh) dari kelompok generasi ketiga. Kerana gurunya, Muhammad al-Dandarawi ialah murid kepada Syeikh Ibrahim al-Rasyid (1813-1874), murid terunggul Sidi Ahmad ibn Idris (1750-1837), pengasas tarekat Ahmadiyah. Dengan kedudukan ini, beliau adalah seperingkat dengan Syeikh Muhammad Said Linggi yang juga murid kepada Muhammad al-Dandarawi<sup>7</sup>.

Dari segi hirarki dalam salasilah tarekat Ahmadiyah, Sidi Muhammad Azahari adalah berkedudukan sama juga dengan Muhammad Syafi'i bin Muhammad Salih (Tok Syafi'i Kedah), seorang tokoh ulama sufi Melayu yang terkenal dan berpengaruh di kota Makkah. Tok Syafi'i Kedah bukannya murid Muhammad al-Dandarawi tetapi murid Ismail Nawwab, seorang lagi murid Syeikh Ibrahim al-Rasyid yang terkenal<sup>8</sup>. Dari sudut kedudukan salasilah ini, Sidi Muhammad Azahari adalah lebih junior dari Tuan Tabal dan Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani, tokoh ulama Melayu yang amat terbilang di Makkah, kerana kedua-dua mereka ini seperingkat dengan Muhammad al-Dandarawi yang kesemuanya menerima ijazah tarekat dari Syeikh Ibrahim al-Rasyid<sup>9</sup>.

---

<sup>6</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, (Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 89-91. Sedgwick, Mark J.R., *Saints and Sons: The Making and The Remaking of The Rashidi Ahmadi Sufi Order*, (Leiden : EJ Brill, 2005), 131.

<sup>7</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, (Kelantan : Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007), 559.

<sup>8</sup> Haji Zaidi Hassan (Pemangku Pengerusi Perpustakaan Dar Nur Al-Zahra'), dalam temubual dengan penulis, 12h. Disember 2018, di Perpustakaan al-Zahra Jalan Marican, Kota Bharu, jam 10.00 am- 12.00 am.

<sup>9</sup> Ali Salih Karrar, *al-Tariqah al-Idrisiyah fi al-Sudan*, (Beirut : Dar al-Jayl, 1991), 61-69. Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyah di Negeri Kelantan Darul Naim", *Journal AFKAR* 2, (2002), 61-86.

Sidi Muhammad Azahari datang ke Kelantan dalam usaha mempropagandakan ajaran tarekat Ahmadiyyah. Beliau datang mengembara ke Kelantan dan Terengganu atas arahan Muhammad al-Dandrawi kerana gurunya telah mendapat maklumat tentang berita penyebaran tarekat Ahmadiyyah di Kelantan atas daya usaha Tuan Tabal. Tetapi ada versi lain mengatakan beliau mengingkari perintah gurunya yang sebenarnya mengarahkan beliau bergerak aktif di India dan Syeikh Muhammad Said Linggi pula ditetapkan bergerak di Tanah Melayu dan Asia Tenggara. Sidi Muhammad Azahari menjadi mangsa pelbagai tohmahan sesetengah pengikut di Negeri Sembilan sebagai cuba menggugat pengaruh Syeikh Muhammad Said Linggi. Malahan tersebar juga berita bahawa beliau dituduh terlibat dalam cubaan meracun gurunya. Sekembali Sidi Muhammad Azahari ke Makkah, beliau dikatakan tidak dilayani para pengikut tarekat di sana sehingga ke akhir hayatnya kerana melanggar perintah Sidi Muhammad Dandrawi. Sedangkan beliau amat dimuliakan pada pandangan pengikut di Kelantan<sup>10</sup>.

Mengikut Ismail Che Daud, Sidi Muhammad Azahari tiba di Kelantan sebelum tahun 1905 iaitu tarikh ketibaan Syeikh Muhammad Said Linggi. Kerana semasa Syeikh Muhammad Said Linggi tiba pada tahun 1905, beliau mendapati Sidi Muhammad Azahari sudah pun mengembangkan tarekat Ahmadiyyah. Mula-mula tiba beliau dan isterinya tinggal dalam perahu belalang di Sungai Kota Bharu dan kemudiannya di Pulau Kerbau, Kampung Laut dan Langgar dalam sekitar bandar Kota Bharu. Tarikh ini lebih tepat berbanding dengan tarikh 1914 yang di berikan oleh Sedgwick, Pauzi Haji Awang dan Hamdan Hassan pula mengatakan pada tahun 1917. Kerana pada awal 1900 terdapat dua kumpulan pengikut tarekat Ahmadiyyah di Kelantan iaitu pengikut Sidi Muhammad Azahari dan pengikut Syeikh Muhammad Said Linggi dan berlakunya sedikit kegemparan kerana ramai pengikut Syeikh Muhammad Said Linggi mengalami keadaan *majzub*<sup>11</sup>. Tarikh 1914 ialah tarikh ketibaan berikutnya Sidi Muhammad Azahari ke Kelantan kerana beliau kerap berulang alik ke Kuala Terengganu di mana terdapat segelintir pengikutnya disana. Pada tarikh 1914 ini Syeikh Muhammad Said Linggi sudah pun meninggalkan bumi Kelantan<sup>12</sup>.

Sesungguhnya seperti mana diakui Prof. Madya Dr. Che Zarina Sa'ari terdapat pelbagai kecelaruan dan percanggahan cerita dan fakta dalam kalangan para pengikut Sidi Muhammad Azahari dan Syeikh Muhammad Said Linggi mengenai kemunculan serta penglibatan mereka berdua dalam mengembangkan tarekat Ahmadiyyah terutamanya tentang arahan yang diberikan oleh Sidi Muhammad al-Dandrawi kepada mereka berdua. Setiap pengikut kedua-dua tokoh ini cuba memaparkan fakta yang membela kredibiliti ketua masing-masing dan menyebarkan cerita-cerita yang saling menyelar peribadi di antara satu sama lain. Fenomena pelbagai fakta yang bercanggah ini dari kalangan kedua-dua kelompok pengikut dipaparkan dengan jelas sekali dalam penelitian Hamdan Hassan dan Sedgwick. Ternyata begitu bersimpang siurnya maklumat yang cuba dicanangkan sehingga sukar hendak menentukan yang mana satu hendak diterima dan dipercayai<sup>13</sup>.

Sedangkan pada hakikatnya dari segi peribadi tiada terdengar khabar berlakunya suasana saling selar menyelar dari lidah kedua-dua tokoh ini. Mereka berdua selaku tokoh sufi yang mempunyai kelebihan serta kekuatan peribadi masing-masing sudah tentu

<sup>10</sup> Sedgwick, *Saints and Sons*, 131.

<sup>11</sup> Ismail Che Daud, Penulis Buku Tokoh Ulama Semenanjung, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018, di Rumah Kg. Dusun Muda, Kota Bharu, jam 08.30 am.- 11.00 am. Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu*, 90.

<sup>12</sup> Sedgwick, *Saints and Sons*, 127-128.

<sup>13</sup> Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim". (*Journal AFKAR*, 2, (2001), 75.

memahami batas-batas persaudaraan (ikhwan) yang perlu dihayati dan dipertahankan. Setakat ini tiada terdapat sebarang pertembungan peribadi di antara mereka berdua. Hanyalah para pengikut yang taksud dan fanatik yang sering memperbesarkan unsur-unsur perselisihan yang kecil mengenai isu *jazbah* sehingga menjadi suatu soal titik bengik yang meresahkan suasana sehingga sampai ke tahap merenggangkan pertalian dalam kelompok pengikut tarekat Ahmadiyah. Ini jelas sekali dari penjelasan Hamdan Hassan bahawa Syeikh Muhammad Said Linggi sendiri dalam tulisan pada hasyiah ahzabnya, *al-Ahzab al-'Irfaniyah wa al-Aurad al-Nuraniyah* ada memuji Sidi Muhammad Azahari dengan panggilan “Sayyidi” yang bermaksud ketuaku. Ini merupakan suatu tanda penghormatan peribadi Syeikh Muhammad Said Linggi terhadap kedudukan Sidi Muhammad Azahari<sup>14</sup>.

Sidi Muhammad Azahari didapati telah masuk ke negeri Kelantan beberapa kali. Kali pertama datang ke Kelantan sekitar awal tahun 1900 iaitu bersama isteri beliau yang dikenali dengan panggilan “Siti” di kalangan anak murid beliau. Pada ketika itu beliau tinggal di rumah Tuan Guru Haji Nik Ismail berhampiran Makam Diraja Langgar, Kota Bharu. Rumah ini menjadi pusat kegiatan beliau terawal dalam mengembangkan tarekat Ahmadiyah. Pengikut wanita menerima *bai'ah* melalui isteri beliau, manakala golongan lelaki pula dengan beliau sendiri<sup>15</sup> (Ismail Che Daud, 2007). Kedatangan mereka telah menarik perhatian ramai anggota masyarakat Islam di sekitar bandar Kota Bharu. Sidi Muhammad Azahari dengan penampilan peribadi beliau yang zuhud menimbulkan rasa hormat dan penuh kekaguman kepada mereka yang pernah bersemuka dengannya. Kehadiran seorang tokoh ulama sufi berbangsa Arab berkemungkinan menjadi salah satu dorongan kepada anggota masyarakat untuk mengerumuni beliau dan isterinya. Lagi pun kehadiran isterinya yang mempunyai potensi seorang pembimbing tarekat juga menjadi suatu unsur tarikan terutamanya bagi kalangan kaum wanita. Dengan sambutan yang diterima itu, beliau menjadi tenaga pemangkin yang memberikan sumbangan besar kepada pemesatan penyebaran tarekat Ahmadiyah di Kelantan<sup>16</sup>.

Keperibadian Sidi Muhammad Azahari yang mempunyai daya tarikan istimewa dan dikenali pula sebagai seorang bertaraf wali yang berkat, telah mendorong ramai anggota tarekat, lelaki dan perempuan bermurah hati mencurahkan pelbagai rupa bantuan kepada beliau dan isteri. Sikap pemurah para pengikut ini tercetus dari rasa simpati dengan kedudukan mereka berdua sebagai pendatang asing yang memerlukan pelbagai kemudahan sebagai tempat untuk menetap dan menjalani kehidupan harian selain mengajar serta memimpin majlis perkumpulan tarekat. Dokongan dan sambutan hangat yang diterima ini merupakan suatu sokongan moral yang amat bermakna buat diri Sidi Muhammad Azahari dan isterinya<sup>17</sup>.

Salah suatu impak yang tersurat dari kehadiran beliau dalam sejarah perkembangan tarekat Ahmadiyah ialah tersebarnya “*Musabba'at al-Azahariyah*” yang sampai ke hari ini masih tersebar menjadi amalan di kalangan para pengikut tarekat Ahmadiyah di Kelantan. Ia adalah merupakan kumpulan awrad dan zikir tarekat yang dinisbahkan kepada beliau kerana ia adalah hasil usaha susunan beliau bersandarkan kepada amalan wirid dan zikir yang asli susunan Sidi Ahmad ibn Idris. Sesungguhnya “*Musabba'at al-Azahariyah*” ialah

---

<sup>14</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu*, 89.

<sup>15</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, 559.

<sup>16</sup> Auni Haji Abdullah, anak saudara Yahya Abdus Salam, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018, di Rumah Bangi, Selangor, jam 10.00 pm - 12.00 pm.

<sup>17</sup> Ismail Che Daud, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018.

suatu mercu tanda sumbangan beliau yang merupakan legasi yang terus berkekalan diamalkan oleh para pengikut Tarekat Ahmadiyah<sup>18</sup>.

### **CAMPUR TANGAN PIHAK BERKUASA**

Selepas beberapa tahun bergiat menyebarkan tarekat Ahmadiyah sehingga menjadi seorang tokoh ulama sufi yang amat disanjung masyarakat Kelantan dan pernah dijemput masuk mengadap Sultan Muhammad IV. Beliau mula tidak disenangi oleh pihak berkuasa termasuklah pihak penjajah Inggeris dan Majlis Agama Islam Kelantan. Ini dipercayai ada kaitan dengan kedudukan pengaruh beliau yang begitu kuat mencengkam dalam kalangan segelintir pengikutnya. Ada kemungkinan besar tekanan pihak pejabat Penasihat Inggeris yang bimbang dengan kebangkitan satu kelompok pengikut tarekat yang begitu menghormati, menjadi beliau tokoh idola dan amat menyanjung pemimpin mereka. Pendirian penjajah Inggeris ada kaitan dengan rasa kebimbangan mereka terhadap tahap emosi penduduk Kelantan yang belum reda dan lupa dengan peristiwa pemberontakan Tok Janggut pada tahun 1915<sup>19</sup>.

Impak dari peristiwa pemberontakan yang berlaku kira-kira dua tahun yang lepas itu masih lagi mengganggu dan meresahkan kuasa penjajah sepertimana disebut oleh Sedgwick. Apatah lagi dengan kehebatan peribadi Sidi Muhammad Azahari yang telah menarik minat Sultan Muhammad IV untuk bertemu dengan beliau. Pertemuan yang tentunya berlaku dalam pengetahuan pihak Inggeris pasti menimbulkan kebimbangan kepada kepentingan pihak penjajah. Akhirnya pihak Majlis mengemukakan surat rayuan kepada al-Sultan Kelantan supaya mengusir Sidi Muhammad Azahari. Maka dengan perintah Dewan Negeri yang di dominasi oleh pihak berkuasa Inggeris, beliau diperintah keluar pada 15 Mei 1917 dan ini menyebabkan beliau menghilangkan diri buat seketika waktu. Sesungguhnya penyingkiran Sidi Muhammad Azahari ini dipengaruhi kebimbangan pihak berkuasa termasuklah pihak penjajah Inggeris, kuasa pemerintahan tertinggi pada masa itu.<sup>20</sup>

### **HUBUNGAN TOK KENALI DAN SIDI MUHAMMAD AZAHARI**

Apa yang mengelirukan ada pandangan yang cuba mengaitkan nama baik Tok Kenali sebagai tokoh penting yang mempengaruhi pendirian Sultan Muhammad IV supaya menghalau Sidi Muhammad Azahari itu. Pandangan ini diberikan dengan andaian bahawa Tok Kenali menolak tarekat. Tok Kenali dikatakan berpendapat bahawa amalan tarekat selain bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, boleh merosakkan masyarakat Islam dan menghalang kemajuan negara<sup>21</sup>. Pandangan yang cuba melibatkan kewibawaan Tok Kenali ini ialah suatu tanggapan umum tanpa didokong oleh sebarang kenyataan bertulis atau lisan yang jelas. Memang tidak terdapat sebarang bukti Tok Kenali terlibat dalam pergerakan tarekat tetapi tidak bererti beliau menolaknya.

Abdul Hayy Abdul Syukur telah merumuskan bahawa Tok Kenali sampai ke akhir hayatnya tetap istiqamah memaparkan perwatakan dan keperibadian yang sarat dengan nuansa dan imej seorang sufi tanpa tarekat atau bergabung dalam mana-mana tarekat

---

<sup>18</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, 91

<sup>19</sup> Mahmud Abd. Rahman, anak saudara Yahya Abdus Salam, Temu bual pada 11hb. Disember 2018, di Rumah Jalan Raja Dewa Telipot, Kota Bharu, jam 5.00 pm-7.00 pm.

<sup>20</sup> Mohd Sarim Mustajab (1978). Haji Wan Musa B. Abdul Samad-Ulama Islah di Kota Bharu. *Akademika*. bilangan 12, 10.

<sup>21</sup> Abdullah Salleh, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*. (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2008), 22-23.

sedangkan semasa ramai rakan ulama menceburi amalan tarekat. Namun mengikut Sedgwick dalam kajiannya mendapati Tok Kenali pernah mengikuti tarekat Ahmadiyyah semasa menuntut di Makkah. Ini kemungkinan ada kebenarannya kerana guru kesayangannya, Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani adalah seorang pengikut tarekat Ahmadiyyah. Selain ini salah seorang anak murid beliau Haji Nik Dir bin Nik Mat berasal dari Semerak Pasir Puteh telah menggerakkan tarekat Ahmadiyyah di pondoknya dengan keizinan Tok Kenali<sup>22</sup>.

Sekiranya Tok Kenali menolak tarekat berertilah beliau sanggup bertentangan dengan guru yang amat disanjungnya dan sudah pasti beliau tidak mengizinkan anak muridnya menggerakkan tarekat Ahmadiyyah. Di sini jelas bahawa Tok Kenali mempunyai ijhtihad sendiri untuk memilih gaya hidup seorang sufi tanpa perlu terikat dengan tarekat dan tidak pula pernah menyuarakan sebarang bantahan kepada ulama atau orang awam yang menganggotai tarekat. Beliau tetap menjalin hubungan dengan tokoh ulama aktivis dalam pergerakan tarekat Ahmadiyyah seumpama Haji Wan Musa. Beliau juga dikatakan akrab dengan Tok Selehor, seorang ulama sufi pengamal tarekat Shatariyyah yang kerap diziarahinya<sup>23</sup>.

### TERSINGKIR DARI BUMI KELANTAN

Selepas tersingkir dari bumi Kelantan tidak dapat dipastikan di mana arah tujuan Sidi Muhammad Azahari. Tetapi dipercayai beliau menuju ke Kuala Terengganu untuk tumpang berteduh dengan segelintir para pengikutnya terdiri dari penduduk Kuala Terengganu. Selepas beberapa ketika setelah aman dan tenteram beliau masuk kembali ke negeri Kelantan pada 1922. Penempatan beliau kali ini adalah di Pasir Tumbuh sehinggalah perkhabaran kehadiran beliau sampai ke pengetahuan Haji Wan Musa Tuan Tabal sebagai tokoh tonggak utama tarekat Ahmadiyyah pada masa itu. Dengan penuh hormat Haji Wan Musa menjemput beliau tinggal di suraunya Jalan Merbau dan menjadi murid beliau. Kemudiannya atas semangat kasih sayang kepada guru yang bertaraf wali itu, maka anak-anak murid yang terdiri dari dua orang anak Tuan Tabal iaitu Haji Wan Musa Tuan Tabal, Haji Wan Abdullah Khatib Tuan Tabal dan Haji Abdul Manan telah mewakafkan sebuah surau yang terletak di Kampung Dalam Pandan Kampung Laut, Tumpat, bertujuan memudahkan lagi beliau memimpin tarekat. Dengan dokongan dari Haji Wan Musa yang berkedudukan sebagai seorang ulama dari keluarga ternama maka populariti dan ketokohan Sidi Muhammad Azahari sebagai seorang guru tarekat semakin meningkat<sup>24</sup>.

Pada masa inilah didapati ramai anak-anak tempatan termasuklah para ulama berwibawa yang sudah terpengaruh dengan amalan zikir tarekat Ahmadiyyah yang di bawa oleh Sidi Muhammad Azahari. Selain Haji Wan Abdullah Khatib Tuan Tabal dan Haji Abdul Manan terdapat beberapa orang ulama terbilang lain yang menerima talqin tarekat dari Sidi Muhammad Azahari. Antara mereka ialah Haji Ismail Haji Senik (Tok Kemuning Muda), Haji Che Min (Wak Che Min), Bechah Keranji, Haji Yaakub Ahmad Lorong Gajah Mati dan Haji Awang Limbat. Selain itu terdapat juga beberapa orang ulama lain seumpama Haji Noh, Labok, Machang, Haji Mat Sim, Kubang Gatal, Peringat, Pak Da Wil, Kampung

---

<sup>22</sup> Abdullah al-Qari, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, 22-23. Awang Seman Hassan, murid Nik Dir, Temu Bual pada 17hb. Januari 2018, di Rumah Kg. Lembah Semerak, Pasir Puteh, jam 5.00 pm-7.00pm.

<sup>23</sup> Abdul Hayy Abdul Syukur, "Pemikiran Tasawuf Tok Kenali". *Pengasuh*, (1998, Julai-Ogos), 51-54. Sedgwick, *Saints and Sons*, 133.

<sup>24</sup> Che Zarina Sa'ari, *Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim*, 75. Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu*, 91.

Khatib Ali Jalan Bayam, Kota Bharu, Haji Abdullah Idris Kubang Pasu, Kota Bharu dan ramai lagi<sup>25</sup>.

Selain itu kedatangan Sidi Muhammad Azahari ke Kelantan telah membawa kepada terbukanya beberapa lagi kawasan kegiatan tarekat Ahmadiyyah di Kelantan bawah kepimpinan Tok Khatib Haji Nik Abdullah (Lorong Tok Semian), Haji Ahmad Manan (Jalan Merbau), Haji Yaakob Haji Ahmad (di Lorong Gajah Mati), Haji Abdus Salam Muhammad (Kampung Kubang Pasu), Haji Muhammad Amin (Kampung Bechah Keranji, Peringat), Haji Wan Mamat Wan Sulaiman di Kampung Laut dan kemudiannya disusuli dengan Haji Nik Abdul Rahman Khatib (Lorong Tok Semian) dan Haji Daud (Bukit Abal)<sup>26</sup>. Tarekat Ahmadiyyah semakin tersebar meluas di negeri Kelantan dengan mendapat sambutan ramai pengikut yang datang belajar dan mengamalkan tarekat Ahmadiyyah yang dipimpin oleh beliau. Pertapakan Sidi Muhammad Azahari menghadapi cabaran besar apabila berlakunya perselisihan di antara beliau dengan Haji Wan Musa. Perselisihan mengenai tindakan Haji Wan Musa menentang hasrat Sidi Muhammad Azahari hendak menjual tanah yang diwakafkan kepadanya di Kampung Laut. Perselisihan ini berlarutan sehinggalah Sidi Muhammad Azahari dibawa kemuka pengadilan Mahkamah Kota Bharu oleh Haji Wan Musa. Tindakan Sidi Muhammad Azahari ditolak oleh mahkamah. Ini mendorong beliau berundur dari bumi Kelantan dan berpindah ke Kuala Terengganu pada tahun 1924<sup>27</sup>.

Selepas dapat hidup dengan aman damai di Terengganu dengan layanan muridnya, beliau kemudiannya pulang menetap di Makkah sehinggalah ke saat beliau meninggal dunia di sana pada tahun 1939. Sebelum pulang ke Makkah beliau sempat menziarahi Kelantan sekejap untuk bertemu para pengikutnya. Semasa beliau bermukim di Makkah inilah Haji Daud Bukit Abal sempat mendampingi beliau serta menjadi pembantu (khadam) kepadanya sehinggalah kesaat guru *mursyid* kesayangan beliau meninggal dunia pada tahun 1939. Tentang ketaatan dan ketulusan Haji Daud Bukit Abal berkhidmat dan berbakti ini jelas terpancar dalam sepucuk surat Haji Daud Bukit Abal bertarikh tahun 1935 kepada tokoh seniornya, Haji Che Min, seorang murid Sidi Muhammad Azahari yang pada masa itu menjadi penggerak tarekat Ahmadiyyah di Bechah Keranji<sup>28</sup>.

Surat Haji Daud Bukit Abal bertarikh 7 Muharram 1355 kepada Haji Che Min itu menjadi sebuah dokumen sumber sejarah penting yang memaparkan kehidupan peribadi dan kedudukan kesihatan Sidi Muhammad Azahari di akhir hayat beliau. Surat ini ditulis Haji Daud Bukit Abal kira-kira dua bulan selepas tiba di kota Makkah pada 12 Zulqaedah 1355 sepertimana dicatat dalam suratnya itu. Dalam surat ini diriwayatkan keadaan Sidi Muhammad Azahari yang sudah lanjut usia dengan tubuhnya yang sudah kurus, tahap pendengaran beliau yang sudah lemah, janggutnya sudah beruban putih dan selalu berada dalam keadaan berbaring. Pada penglihatan Haji Daud, kegiatan harian gurunya ini adalah melakukan solat sunat dalam keadaan duduk dan membaca wirid-wirid. Beliau juga bertanya khabar tentang para ikhwan di Jawi (Tanah Melayu). Kehidupan harian tokoh ini dapat dilihat dari dekat oleh Haji Daud sepanjang mendampinginya. Beliau menjadi pembantu gurunya ini sehinggalah kesaat kematian gurunya pada hari Ahad 3 Rabi'ul Awwal 1358

<sup>25</sup> Ismail Che Daud (2012), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 255, 597.

<sup>26</sup> Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim", 75.

<sup>27</sup> Mohd Sarim Mustajab (1978). Haji Wan Musa B. Abdul Samad-Ulama Islam di Kota Bharu. *Akademika*. bilangan 12, 10. Che Zarina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim", 76.

<sup>28</sup> Auni Haji Abdullah, anak saudara Yahya Abdus Salam, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018, di Rumah Bangi, Selangor, jam 10.00 pm - 12.00 pm (Surat Haji Daud Bukit Abal yang berada dalam simpanan bapa Haji Auni iaitu Haji Abdullah Haji Idris).



bersamaan 23 April 1939 sepertimana tercatat dalam karyanya, *Risalah al-‘Aqid wa al-Fawa’id*. Keberadaan surat ini menjadi sebuah dokumen yang amat bermakna dalam membuktikan bahawa tokoh ini berada dalam keadaan yang aman tenteram melalui kehidupan beliau di Makkah bukannya dalam keadaan tertekan dan dipinggirkan sepertimana ditohmahkan. Ini dapat menjernihkan imej beliau kerana surat Haji Daud ini tidak menyebut sebarang kesukaran hidup yang dilalui beliau sehingga ke akhir hayat<sup>29</sup>.

## GELOMBANG CABARAN

Selaku seorang ulama pengembara yang berkelana dalam suatu kelompok masyarakat yang berlainan budaya, gaya pergaulan dan falsafah hidup, maka beliau ternyata gigih dalam menempuhi persekitaran yang agak asing bagi beliau dan isterinya pada peringkat permulaan. Beliau mampu mengharungi pelbagai perkembangan dan persekitaran yang mencabar dan menggugat niat murni beliau sepertimana yang diamanahkan oleh gurunya, Sidi Muhammad Dandrawi. Bentuk dan rupa cabaran itu telah pun dipaparkan di atas. Ada pun dibawah ini suatu sorotan lebih mendalam ditumpukan kepada dua cabaran besar selepas dapat bertapak di bumi Kelantan. Dua cabaran menjadi begitu penting untuk diteliti kerana kedua-duanya ternyata menjadi bibit-bibit perselisihan yang tidak berakhir malahan berlarutan agak sekian lama.

Cabaran pertama ialah peristiwa ramai pengikut tarekat yang mengalami keadaan *majzub* (rasa tarikan kerohanian yang luar biasa sehingga mereka yang dihinggapinya hanyut dalam dunianya tersendiri) dikalangan para pengikut Syeikh Muhammad Said Linggi. Peristiwa ini menimbulkan kegemparan dalam masyarakat dan menjalar menjadi isu perselisihan yang membiak api pertikaian di antara pengikut Syeikh Muhammad Said Linggi dengan pengikut Sidi Muhammad Azahari. Perselisihan ini berpunca dari silap faham dan ketaksuban pengikut masing-masing mengenai soal *majzub* tersebut yang mana pihak Syeikh Muhammad Said Linggi telah dipersalahkan. Mengikut Abdul Hayy Abdul Syukur, Sidi Muhammad Azahari dan Haji Wan Musa masing-masing ada menegur Syeikh Muhammad Said Linggi kerana tidak berupaya mengawal emosi kerohanian para pengikutnya dan kerana sikap beliau yang agak terbuka mengajar zikir dan wirid tarekat kepada semua lapisan rakyat awam yang belum mendalam pengetahuan agama mereka. Mereka berdua bukannya menolak atau mengkritik *al-Jazbah* itu sendiri. Dalam hal ini, Pauzi Haji Awang ada menyatakan kemampuan dan kelebihan Sidi Muhammad Azahari semasa halaqah zikir tarekat dalam mengawasi para pengikut dari menjadi *majzub*. Kegemparan dalam masyarakat yang timbul dari isu *al-Jazbah* ini akhirnya mendorong campur tangan Sultan Muhammad IV untuk mendapatkan fatwa dari Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani di Makkah. Dalam jawapannya bertarikh tahun 1906 itu Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani menegaskan bahawa *jazbah* ialah sesuatu yang lumrah dalam sejarah tasawuf dan tarekat di serata pelusuk dunia Islam dan ia merupakan suatu kelazatan yang tidak dialami oleh semua orang yang menjalani kehidupan kesufian dan mengamalkan zikir tarekat. Dalam jawapan ini tiada sepotong ayat pun yang cuba menyalahkan muridnya, Syeikh Muhammad Said Linggi<sup>30</sup>.

Sesungguhnya silap faham soal *jazbah* yang timbul itu perlu dijernihkan kerana untuk menyalahkan ajaran Syeikh Muhammad Said Linggi sebagai punca berlelusanya *jazbah* dalam kalangan orang awam bukanlah suatu persoalan yang wajar dijadikan titik bengik

---

<sup>29</sup> *Ibid*

<sup>30</sup> Abdul Hayy Abdul Syukur, "Pemikiran Tasawuf Tok Kenali", 51. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1979), *Sufi dan Wali Allah*, (Kota Bharu : Pustaka Aman Press, 1979), 19.

untuk memperkecilkan ketokohan seorang ulama sufi dan pemimpin tarekat yang berkarisma seumpama beliau sehingga membawa kepada pergeseran yang berpanjangan dalam kalangan pengikut masing-masing. Isu *jazbah* bukannya suatu persoalan yang boleh dikupas dengan perkiraan 'aqliyah atau logik semata kerana ia lebih berkaitan satu pengalaman kerohanian yang perlu diselami dan digali dengan citarasa kerohanian (zauqiyah). Sepertimana dijelaskan oleh Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani bahawa *al-Jazbah* bukannya sesuatu yang jelek yang perlu diperbesarkan dalam kalangan para pengikut tarekat Ahmadiyyah, bahkan mereka sewajarnya perlu memahami bahawa *al-Jazbah* ialah suatu pencapaian kelazatan kerohanian (al-wijd) yang hanya dinikmati dengan pembukaan Ilahi (al-kasyf). Masalah *al-Jazbah* ini bertepatan dengan kupasan Risalah al-Qusyairiyah mengenai pelbagai rangsangan kerohanian yang disebut *al-Sukru* iaitu kemabukan cinta kepada Allah SWT kerana kalbu diresapi dengan bisikan ketuhanan (al-warid) yang kuat. Rangsangan kerohanian ini hanya akan hilang dengan resapan al-Sahwu iaitu kesedaran dari kemabukan itu<sup>31</sup>.

Perselisihan yang timbul ternyata telah berpanjangan kerana pergeseran kecil ini akhirnya membawa kepada bibit-bibit pertelingkahan yang berterusan di antara para murid dan pengikut Sidi Muhammad Azahari dan Syeikh Muhammad Said Linggi. Manifestasi konflik ini jelas dapat dilihat dari munculnya jurang di antara pengikut tarekat Ahmadiyyah Negeri Sembilan yang berkiblat kepada kepimpinan Syeikh Muhammad Said Linggi dengan para pendokong tarekat Ahmadiyyah Kelantan yang diterajui oleh para ulama pengikut setia Sidi Muhammad Azahari iaitu Tok Khatib Haji Nik Abdullah, Haji Ahmad Mannan dan Haji Yaakub Ahmad Gajah Mati. Bibit-bibit kerenggangan ini berlarutan sehinggalah ke dekad-dekad terkemudian sehingga dapat dirasai bahangnya hinggalah dewasa ini. Pergeseran ini tidaklah menjurus kepada terputusnya ikatan keikhwanan sama sekali walaupun mempunyai identiti berlainan. Sepertimana dijelaskan oleh Hamdan Hassan bahawa kedua-dua kumpulan tidak saling mengiktiraf kepimpinan masing-masing. Apa yang agak ketara serta menimbulkan banyak tanda tanya dari catatan Hamdan Hassan dan juga Sedgwick ialah gambaran bahawa pada pihak peribadi Sidi Muhammad Azahari terarahnya agak banyak cemuhan dan penghinaan yang dilemparkan kepada dirinya termasuklah tuduhan ketelaluan iaitu cubaan meracuni gurunya, Muhammad Dandrawi<sup>32</sup>. Gambaran sebegini pada satu sudut menimbulkan seribu satu pertanyaan dan pada satu sudut yang lain dapat menyelitikan keinsafan tentang berbagai bentuk dugaan yang perlu ditempohi oleh seorang tokoh ulama bertaraf wali seperti beliau. Segala pergolakan yang berlaku ini dipercayai diikuti dengan penuh minat dan teliti oleh pihak berkuasa Inggeris dalam usaha merealisasikan muslihat agenda penjajaah.

Soal pergeseran di atas jelas dapat dikesani dari perkembangan tarekat Ahmadiyyah Negeri Sembilan yang membawa haluannya sendiri selepas diasaskan oleh Syeikh Muhammad Said Linggi. Putera beliau dan cucunya, Mufti Ahmad bin Muhammad Said dan Mufti Murtada bin Ahmad telah memusatkan perkembangannya dengan menjadikan surau di Rasah, Negeri Sembilan sebagai pusat kegiatan utamanya. Kemudian dari sini telah berkembang ke Singapura melalui inisiatif Haji Abdul Rashid bin Muhammad Said, adik Mufti Ahmad yang berjaya menarik ramai pengikut di pulau ini. Perkembangan yang sama jugalah berlaku dengan tarekat Ahmadiyyah Kelantan. Surau Haji Daud Bukit Abal yang

<sup>31</sup> Auni Haji Abdullah, anak kepada Haji Abdullah Idris, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018, di Rumah Bangi, Selangor, jam 10.00 pm - 12.00 pm. Abu Qassim Abdul Karim bin Hawazin, Al-Qusyairi, *al-Risalah al-Qusyairiyah*, (al-Qahirah : Maktabah wa Matbu'ah Muhammad Ali Subayh wa Awladuduhu, Maydan al-azhar, (t.t), 62.

<sup>32</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, 228. Sedgwick, *Saints and Sons*, 130-131.

terkenal sebagai pusat kegiatan utama tarekat Ahmadiyah di Kelantan sejak awal 1960 hingga ke akhir 1976 semasa hayat beliau telah dikenali sebagai pendokong setia Sidi Muhammad Azahari. Begitulah keadaannya sampai ke hari ini di bawah bimbingan puteranya, Wan Muhammad Rida. Usaha Haji Daud Bukit Abal memelihara legasi kerohanian Sidi Muhammad Azahari bertambah mantap dengan kegiatan para pendokong yang lain di surau-surau Haji Nik Abdullah Khatib di Lorong Tok Semian, Haji Abdus Salam serta menantunya, Haji Abdullah Idris di Kampung Kubang Pasu, Haji Ghazali di Pulau Chondong dan Haji Yaakub Samat di Bechah Keranji (Surau Haji Che Min)<sup>33</sup>. Dengan paparan segala fakta itu dapat menolak rumusan Sedgwick dalam kajian beliau yang ketara sekali amat menyimpang apabila membuat andaian bahawa tarekat Ahmadiyah Kelantan mengalami kemerosotan berbanding tarekat Ahmadiyah Negeri Sembilan selepas pemergian Sidi Muhammad Azahari. Hal yang sama berlaku dalam rumusan Hamdan Hassan yang secara tegas menyimpulkan bahawa Tuan Tabal dan Syeikh Muhammad Said Linggi sebagai dua tokoh penyebar tarekat Ahmadiyah yang utama di Malaysia dengan mengeneipkan sumbangan Sidi Muhammad Azahari<sup>34</sup>.

Cabaran kedua ialah peristiwa pertembungan Sidi Muhammad Azahari dengan Haji Wan Musa. Peristiwa ini merupakan pertelagahan dua gergasi besar tarekat Ahmadiyah yang berpunca dari tindakan Haji Wan Musa menentang hasrat Sidi Muhammad Azahari untuk menjual sebidang tanah yang diwakafkan kepadanya untuk dimanfaatkan bagi kegunaan di Kota Makkah. Pertembungan ini bertambah meruncing apabila isu pertelingkahan dibawa ke mahkamah oleh Haji Wan Musa sehingga Sidi Muhammad Azahari diaibkan apabila tewas dalam perbicaraan itu. Ini menyebabkan Sidi Muhammad Azahari membawa diri ke Kuala Terengganu dan bergiat menyebarkan tarekat Ahmadiyah di sana. Berdasarkan penelitian Mohd Sarim Haji Mutajab bersumberkan rekod penjajah Inggeris didapati bahawa tindakan Haji Wan Musa itu banyak didorong oleh ketidaksenangan beliau dengan kemerosotan pengaruhnya ekoran dari kemunculan Sidi Muhammad Azahari. Ramai para murid Haji Wan Musa sendiri telah meniggalkan pengajian di suraunya di Jalan Merbau dan berkumpul di surau Sidi Muhammad Azahari di Kampung Laut, Tumpat Kelantan<sup>35</sup>.

Pengalaman pahit dari perselisihan di muka pengadilan itu telah membawa kepada pergeseran peribadi yang berpanjangan di antara Haji Wan Musa Tuan Tabal dengan dua tokoh ulama pembela utama Sidi Muhammad Azahari iaitu adiknya sendiri, Tok Khatib Haji Nik Abdullah dan rakan sejiiran dan sepengajian, Haji Ahmad Mannan. Pergeseran ini telah menular di kalangan pengikut mereka masing-masing dan ini mempengaruhi Haji Wan Musa mencanangkan nama pengikutnya dengan nama tarekat Ahmadiyah Rasyidiyah. Langkah ini dilihat lebih bertujuan supaya aliran tarekat yang dibawa beliau berkedudukan lebih kanan dari aliran tarekat yang dibawa oleh Sidi Muhammad Azahari yang berkedudukan lebih rendah hirarkinya dalam salasilah tarekat berbanding bapa beliau, Tuan Tabal. Dengan langkah ini diharap dapat memalapkan kedudukan kepimpinan Tok Khatib Haji Nik Abdullah dan Haji Ahmad Mannan dalam kalangan pengikut tarekat Ahmadiyah Kelantan. Malahan dengan tindakan ini ia jelas memberikan isyarat tersirat bahawa Haji Wan Musa sudah menysihkan Sidi Muhammad Azhari dan Sidi Muhammad Dandrawi

---

<sup>33</sup> Mahmud Abd. Rahman, anak saudara Yahya Abdus Salam, Temu bual pada 11hb. Disember 2018, di Rumah Jalan RajaDewa Telipot, Kota Bharu, jam 5.00 pm-7.00 pm.

<sup>34</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, 210-211. Sedgwick, *Saints and Sons*, 134-138.

<sup>35</sup> Sarim Mustajab, Haji Wan Musa B. Abdul Samad-Ulama Islah di Kota Bharu, 10.

sebagai dua tokoh guru kerohanian (syekh) dalam salasilah kumpulan pimpinan beliau dan hanya mengakui Tuan Tabal dan Ibrahim al-Rasyid sebagai dua *syekh* kumpulannya<sup>36</sup>.

Sebenarnya perselisihan di antara dua tokoh ulama sufi ini tidak sewajarnya berlaku kerana Haji Wan Musa sendiri pernah berguru dengan Sidi Muhammad Azahari. Perselisihan yang telah terdedah dengan luas di kalangan rakyat telah memahatkan tanggapan buruk di kalangan rakyat awam mengenai kelebihan amalan tarekat dan keunggulan ilmu tasawuf sendiri. Perselisihan sebegini sepatutnya dapat dielakkan di kalangan para pemimpin gerakan tarekat yang perlu berpegang kepada asas-asas ketinggian akhlak dan mampu melawan runtunan nafsu dan ego masing-masing demi memelihara kemaslahatan para pengikut (ikhwan), serta menjaga nama baik perkumpulan tarekat. Sebagaimana matlamat tasawuf dan tarekat menitikberatkan soal memupuk pembersihan diri (*tazkiat al-nafs*) atau pun juga disebut penggilapn kalbu (*ijla' al-qulub*). Dari segi moral, peristiwa perselisihan ini memang nyata menunjukkan Sidi Muhammad Azahari sebagai pihak yang tewas dalam pertembungan di mahkamah tetapi ini tidak sama sekali mencalarakan kredibiliti beliau sebagai seorang tokoh pemimpin tarekat Ahmadiyah. Perwatakan dan penampilan beliau yang menimbulkan rasa hormat dan takzim kepada sesiapa yang berdepan dengan beliau ialah suatu gambaran tentang hakikat kekuatan dan keunggulan peribadinya sebagai seorang ketua yang *mursyid* dan dikenali pula sebagai seorang wali yang berkat. Kerana kekuatan peribadi inilah beliau pernah diundang mengadap oleh Sultan Muhammad ke IV mengikut Abdul Hayy Abdul Syukur dan Nik Abdul Aziz Hassan<sup>37</sup>.

Dalam kedua-dua kontroversi ini ternyata kekuatan peribadi Sidi Muhammad Azahari tidak tergugat bahkan semakin kukuh apabila tiga orang tokoh penggerak tarekat Ahmadiyah yang berpengaruh besar di Kelantan pada masa itu iaitu Tok Khatib Haji Nik Abdullah, Haji Ahmad Mannan dan Haji Yaakub Ahmad Gajah Mati adalah penyokong kuat Sidi Muhammad Azahari. Mereka bertiga berdiri teguh di samping *syekh mursyid* sepanjang menempuhi ujian krisis ini. Tok Khatib Haji Nik Abdullah sanggup bertentangan dengan abangnya, Haji Wan Musa demi menjaga maruah dan kehormatan gurunya. Begitulah juga Haji Ahmad Mannan sanggup berlawanan dengan jirannya, Haji Wan Musa dan Haji Yaakub Ahmad Gajah Mati pula sanggup berseberangan dengan gurunya, Haji Wan Musa. Pertembungan ini tidak sepatutnya berlaku kerana Haji Wan Musa sendiri pernah berguru dengan Sidi Muhammad Azahari.

Sesungguhnya pengalaman pengusiran dari bumi Kelantan sebanyak dua kali pada tahun-tahun 1917 dan 1924 merupakan suatu pengalaman ujian (*mehnah*) yang jelas tidak menggerhanakan kewibawaan dan keunggulan peribadi Sidi Muhammad Azahari sebagai seorang tokoh ulama sufi yang *mursyid*. Malahan ujian inilah yang menjulangkan lagi darjat kerohanian beliau dan memantapkan jati diri sebagai seorang pejuang di landasan kerohanian. Pengalaman ujian ini ialah sesuatu yang lazim ditempuhi oleh ramai para ulama silam terbilang dalam lipatan sejarah. Penghijrahan beliau ke Kuala Terengganu pada tahun 1924 ialah sebahagian dari manifestasi yang jelas menzahirkan kehebatan dan keistimewaan insan ini kerana beliau berpindah kepada suatu suasana kehidupan dan persekitaran baru yang disediakan seorang Menteri Besar, Dato' Amar Haji Ngah @ Muhammad bin Yusuf. Penempatan beliau dalam suatu suasana baru di sebuah dusun di tepian sungai yang amat nyaman persekitarannya di Kampung Losong, Kuala Terengganu.

---

<sup>36</sup> Sedgwick, *Saints and Sons*, 138. Sarim Mustajab, *Ibid*, 10

<sup>37</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan: Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900 1940*, (Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1997), 71. Abdul Hayy Abdul Syukur, *Pemikiran Tasawuf Tok Kenali*, 51.

Dari gambaran di atas jika direnungi dengan teliti, maka terbayang jelas kepintaran permainan jarum politik Inggeris untuk melemahkan semangat perjuangan Sidi Muhammad Azahari dan melumpuhkan pengaruh beliau dalam masyarakat Kelantan. Dari peristiwa penyingkiran pada tahun 1917 yang jelas ada campur tangan kuasa Inggeris dan peristiwa keputusan mahkamah sivil yang sememangnya berada di bawah telunjuk Inggeris telah mengambil keputusan yang tidak berpihak kepada diri Sidi Muhammad Azahari pada tahun 1924. Maka ia secara tersirat menunjukkan terlaksananya agenda tersembunyi penjajah untuk menghalang beliau dari bertapak lebih lama di bumi Kelantan. Keberadaan beliau di Terengganu kira-kira dua tahun sahaja dan seterusnya kembali ke Makkah mungkin ada kaitan dengan desakan memenuhi agenda penjajah tersebut yang sudah curiga dan bimbang dengan kemungkinan populariti beliau akan menular pula ke negeri ini. Keupayaan beliau membina jaringan yang cukup berpotensi besar untuk bertapak di Terengganu melalui seorang pengikut yang cukup berpengaruh di negeri ini iaitu Dato' Ngah Muhammad Yusuf, Menteri Besar Terengganu tentu diperhatikan dengan penuh curiga oleh pihak berkuasa Inggeris. Apatah lagi pada saat itu sedang bertunasnya rasa keresahan para petani dengan dasar-dasar Inggeris. Dipercayai tekanan pihak penjajah telah memaksa diri beliau tidak kekal lama di bumi Terengganu. Sebenarnya Sidi Muhammad Azahari berada di Kuala Terengganu pada saat yang tidak memihak kepada kesejahteraan dirinya dan kepada matlamat penyebaran tarekat Ahmadiyah. Ini terbukti dengan berlaku kemudiannya peristiwa kebangkitan rakyat di Kuala Terengganu pada tahun 1928 yang dipimpin seorang tokoh agama, Haji Abd Rahman Limbong<sup>38</sup>.

### PANDANGAN MUFTI KELANTAN

Mengenai episod kemunculan Sidi Muhammad Azahari dalam sejarah tarekat Ahmadiyah Kelantan ini ada suatu tanda tanya yang timbul. Selama lebih 20 tahun beliau menetap dan bergiat mengajar serta menyebarkan tarekat di berbagai tempat di Kelantan. Tiada pernah kedengaran suara seorang mufti atau pun teguran berbentuk fatwa atau teguran diberikan tentang kegiatan Sidi Muhammad Azahari sedangkan beliau menghadapi berbagai tekanan berpunca dari kegiatannya yang mampu menarik ramai pengikut yang setia. Dalam jangka masa dari awal tahun 1900 sehingga tahun 1924 apabila beliau berhijrah ke Terengganu, terdapat 5 orang mufti yang bertugas iaitu Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman (1893-1907), Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah (1907-1909), Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad (1909-1916), Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad (1916-1920) dan Haji Che Idris bin Haji Che Hassan (1921-1927), tetapi tiada seorang pun yang tampil memberikan pandangan termasuklah dalam isu *al-jazbah*. Sebaliknya pihak istana terpaksa meminta fatwa kepada Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani di Makkah. Hanya Haji Wan Musa yang memberi pandangan beliau tetapi ia bukan bersangkutan peribadi Sidi Muhammad Azahari tetapi menyentuh pendekatan Syeikh Muhammad Said Linggi kerana tidak berupaya mengawasi ramai pengikut. Kemudiannya selepas menjadi mufti, Haji Wan Musa mula menyerang peribadi Sidi Muhammad Azahari kerana masalah tanah wakaf tersebut.

Kebisuan kebanyakan mufti dari bersuara itu besar kemungkinan kerana kecenderungan kesufian yang ada pada diri mereka dan ini jelas sekali pada peribadi Haji Wan Musa dan Haji Wan Muhammad sendiri kerana kedua-duanya putera Tuan Tabal. Sementara Haji Wan Ishak pula dikenali sebagai seorang ulama sufi. Kecenderungan sikap

---

<sup>38</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia*, (Shah Alam : Karisma Publications, 2010), 73-75.

kesemua mufti ini juga besar kemungkinan dipengaruhi oleh aura dan keunggulan peribadi kesufian Sidi Muhammad Azahari atau pun sengaja tidak mahu masuk terlibat memberikan pandangan mengenai suatu isu tarekat yang tidak jelas dan muktamad unsur-unsur penyimpangannya. Dalam isu perbalahan tanah wakaf yang menyangkut peribadi Sidi Muhammad Azahari di Kampung Laut, mufti di masa itu, Haji Che Deris juga telah tidak campur tangan dalam suatu isu yang jelas berkaitan dengan hukum hakam agama. Keputusan untuk membicarakan kes ini di mahkamah sivil menimbulkan suatu lagi tanda tanya<sup>39</sup>.

Sememangnya Sidi Muhammad Azahari merupakan salah seorang ulama yang pernah menggar bumi Kelantan kerana kewibawaan peribadi beliau sehingga disegani dan disanjung oleh masyarakat Kelantan serta digeruni oleh pihak penjajah Inggeris ketika itu. Panggilan hormat kepada beliau sebagai seorang bertaraf wali oleh para anak murid beliau dan para pengikut tarekat Ahmadiyah Kelantan telah menyemarakkan imej beliau. Kehadiran beliau ke Kelantan telah menyuburkan gerakan tarekat Ahmadiyah yang diperkenalkan oleh Tuan Tabal sehingga berupaya meluas hampir ke seluruh negeri Kelantan. Walaupun dilanda dengan beberapa kontroversi sehingga terpaksa menyingkirkan diri dari bumi Kelantan, namun beliau ternyata begitu tabah menghadapinya. Benteng keimanan dan keyakinan diri tidak sekali-kali membantut tekad usaha beliau untuk menyegarkan perkembangan tarekat Ahmadiyah. Ini lebih-lebih lagi berkat dokongan dan kesetiaan para anak murid yang mewarisi legasi beliau adalah dari kalangan tokoh-tokoh agamawan yang disegani oleh masyarakat Kelantan. Walaupun jasad dan roh beliau telah kembali ke rahmatullah namun segala jasa dan sumbangan mutiara ilmu yang telah digilap tetap menyinar dan masih bertapak di bumi Kelantan.

## **KESIMPULAN**

Keberadaan Sidi Muhammad Azahari bagi tempoh yang agak lama iaitu lebih 20 tahun di negeri Kelantan adalah suatu fasa yang agak penting dalam sejarah penyebaran tarekat Ahmadiyah di Kelantan. Kehadiran beliau dalam tempoh yang lama itu di Kelantan ternyata banyak mencorakkan pelbagai warna warni kepada sejarah perkembangan tarekat Ahmadiyah Kelantan khususnya dalam menyuntik daya kedinamikan kepada penyuburan tarekat. Beliau merupakan tokoh sufi ternama yang menjadi paksi penting dalam menyambung usaha menyebarkan tarekat Ahmadiyah di Kelantan yang telah dimulakan oleh Tuan Tabal.

Sememangnya sumbangan Sidi Muhammad Azahari wajar digali, dibongkar dan diteliti serta direnungi dengan lebih mendalam lagi supaya hasil sorotan nanti boleh menerapkan banyak iktibar dan pengajaran. Selain itu dapat menyuntik keinsafan, panduan dan motivasi kepada generasi muda pada hari ini tentang liku-liku perjalanan hidup dan perjuangan batin seorang insan besar merealisasikan hasrat murni beliau untuk membentuk minda dan mendidik kalbu masyarakat supaya menjadi hamba yang bersinar dengan petunjuk-Nya. Pendedahan pelbagai sudut kehidupan dan cabaran yang dihadapi beliau sudah lebih dari mencukupi untuk menjadi bahan tatapan dan renungan para khalayak peminat serta peneliti perkembangan tasawuf dan tarekat secara khususnya dan juga para pencinta dan penggali khazanah tamadun Islam di Alam Melayu.

---

<sup>39</sup> Mahmud Abd. Rahman, anak saudara Yahya Abdus Salam, Temu bual pada 11hb. Disember 2018, di Rumah Jalan Raja Dewa Telipot, Kota Bharu, jam 5.00 pm-7.00 pm.

## RUJUKAN

- Al-Qusyairi, Abu Qassim Abdul Karim bin Hawazin, *al-Risalah al Qusyairiyah*. alQahirah: Maktabah wa Matbu'ah Muhammad Ali Subayh wa Awladuduhu, Maydan al-azhar, (t.t).
- Abd. Jalil bin Borham, *Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu* Jurnal Syariah, j.4, bil. 2, Jul. 1996, Kuala Lumpur : Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1996.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (2010), *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia*, Shah Alam : Karisma Publications, 2010.
- Abdul Hayy Abdul Syukur, *Pemikiran Tasawuf Tok Kenali*, Pengasuh, bilangan 553, Julai-Ogos 1998.
- Abdul Halim Ahmad, "Pendidikan Islam di Kelantan," dalam Khoo Kay Kim, (ed), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1982.
- Abdul Razak Mahmud, *Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Fatani Sehingga Awal Abad Ke 20*, Pengasuh, bil. 566, Rejab-Sya'ban-Oktober-Nov. 2000, Kelantan : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2000.
- Abdul Razak Mahmud, *Haji Wan Daud Khatib (1860-1936)*, dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kelantan : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2001.
- Abdul Razak Mahmud (2017), *Biografi Singkat 40 Ulama Terpilih Negeri Kelantan*, Kelantan : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007.
- Abdul Rahman al-Ahmadi (2004), *Abdul Kadir dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 2002.
- Ali Salih Karrar, *al-Tariqah al-Idrisiyah fi al-Sudan*, Beirut : Dar al-Jayl, 1991.
- Che Zarina Sa'ari, *Haji Muhammad Sa'id Bin Jamaluddin al-Linggi: Amalan dan Sumbangan Dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia*. Jurnal Usuluddin. Bil. 15. Hlm. 23-24. Selangor: Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2002.
- \_\_\_\_\_ *Haji Muhammad Sa'id Bin Jamaluddin al-Linggi: Amalan dan sumbangan dalam perkembangan tarekat Ahmadiyah di Malaysia*. *Jurnal Usuluddin*, 15, 2002.
- \_\_\_\_\_ *Tarekat Ahmadiyah: Satu Kajian di Negeri Kelantan*. (Tesis Sarjana, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 1993
- \_\_\_\_\_ *Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya Terhadap Alam Kcsufian*. *Journal AFKAR*, 1, Jun 2000.
- \_\_\_\_\_ *Perkembangan Tarikat Ahmadiyah di Negeri Kelantan Darul Naim*. *Journal AFKAR*, 2, 2001.
- \_\_\_\_\_ *Sumbangan Haji Daud bin Haji Omar Al-Libadi Bukit Abal Dalam Perkembangan Tasawuf di Kelantan*. *Journal AFKAR*, 8, 2007.

Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007.

\_\_\_\_\_, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012.

Mohd Murtada b. Haji Ahmad & Mahmood Saedon Awang Othman. *Mengenal At Tarekat Al Ahmadiyah*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, t.t.

Mohammad Redzuan Othman, *Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu,*” Jurnal Usuluddin, bil.13, Jul. 2001, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan: Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900 1940*, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Kota Bahru Kelantan, 1977.

Sedgwick, Mark J.R., *The Heirs of Ahmad Ibn Idris: The Spread and Normalization of A Sufi Order, 1799-1996*, University of Bergen, 1998.

Sedgwick, Mark J.R., *Saints and Sons: The Making and The Remaking of The Rashidi Ahmadi Sufi Order*, EJ Brill, Leiden, 2005.

Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Penyebaran Thariqat-Thariqat Sufiyah Mu'tabarrah di Dunia Melayu*, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 2000.

Yahya Abdus Salam, *Awrad al-Awlia'*, Majlis Agama Islam Kelantan, 1998.

Zakaria Stapa, *Institusi Tarekat Dalam Ilmu Tasawuf Satu Pengenalan*, Perak: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak, 2001.

### **Temu Bual**

Awang Seman Hassan, anak murid Nik Dir, Temu Bual pada 17hb. Januari 2018, di Rumah Kg. Lembah Semerak, Pasir Puteh, jam 5.00 pm-7.00pm.

Auni Haji Abdullah, anak saudara Yahya Abdus Salam, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018, di Rumah Kg. Lundang, Kota Bharu, jam 10.00 pm - 12.00 pm.

Ismail Che Daud, Penulis Buku Tokoh Ulama Semenanjung, Temu bual pada 17hb. Ogos 2018, di Rumah Kg. Dusun Muda, Kota Bharu, jam 08.30 am.- 11.00 am.

Rahimah bt. Ibrahim, Cucu Haji Che Min b. Che Wan, Temu bual pada 10hb. Mac 2018, di Rumah Kg. Bechah Keranji, Kota Bharu, jam 10.00 am.- 12.00 am.

Haji Mahmud Abd. Rahman, anak saudara Yahya Abdus Salam, Temu bual pada 11hb. Disember 2018, di Rumah Jalan Raja Dewa Telipot, Kota Bharu, jam 5.00 pm-7.00 pm.

Zaidi Hassan, Pegawai Perpustakaan al-Zahra, Temu bual pada 12h. Disember 2018, di Perpustakaan al-Zahra Jalan Marican, Kota Bharu, jam 10.00 am- 12.00 am.